

30/03/1997

Goh sambut baik jaminan Mahathir

SINGAPURA: Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong menyambut baik jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa laporan media mengenai pembekuan hubungan di antara Malaysia-Singapura sebagai tidak benar.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, Goh berkata beliau sedih bahawa `hubungan dua hala di antara kedua-dua negara terjejas oleh kenyataan Menteri Kanan Lee Kuan Yew mengenai Johor'.

Beliau berkata, Lee sudah menyatakan bahawa beliau tidak pernah berniat untuk menyinggung perasaan sesiapa.

Sebaliknya, beliau berkata Lee `sudah serta-merta meminta maaf kepada saya apabila kenyataan beliau itu diketahui umum'.

"Beliau juga meminta maaf kepada Malaysia. Kabinet Malaysia menerima permohonan maaf beliau itu.

"Kami percaya bahawa kerjasama yang lebih erat di antara Malaysia dan Singapura akan memberi faedah kepada kedua-dua negara," katanya.

Goh berkata, Singapura akan berusaha untuk memulih serta mempertingkatkan kerjasama pada kadar yang dikehendaki Malaysia.

"Kami inginkan hubungan baik dengan Malaysia dan kenyataan saya pada 25 Mac adalah bertujuan untuk membantu menjernihkan keadaan serta untuk mempertingkatkan hubungan," katanya. - Bernama

(END)